

MTD Properties lancar 3 projek hartanah baharu

Syarikat giat tinjau peluang tingkatkan simpanan tanah

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pemaju hartanah, MTD Properties, merancang untuk melancarkan tiga projek hartanah baharu tahun ini sebagai sebahagian daripada strategi pengembangannya, sekali gus menandakan pendekatan lebih agresif dalam sektor pembangunan hartanah selepas 35 tahun bertapak dalam industri.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MTD, Dr Nik Fauzan Nik Faizul, berkata tiga projek itu masing-masing merangkumi dua projek hartanah kediaman dan satu projek perindustrian.

Katanya, dua projek kediaman yang akan dilancarkan ialah kediaman bertingkat, Sutera Vista Residence di Kajang yang menampilkan 378 unit apartmen moden serta 197 rumah teres setingkat di Ayer Keroh, Melaka.

"Bagi projek perindustrian, sebanyak 86 unit kilang pintar akan dibangunkan di Taman Perindustrian MTD Nexus 28 terletak di Ayer Keroh, Melaka.

"Dari segi sasaran jualan, kumpulan menyasarkan peningkatan 20 peratus pada tahun ini berbanding tahun lalu dan yakin mampu dicapai bersandarkan sambutan menggalakkan terhadap semua projek kami sebelum ini," katanya ketika ditemui me-



Nik Fauzan (kanan) dan Reime Rizal melihat replika projek Sutera Vista Residence pada Pameran Hartanah MTD Properties di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Amirudin Sahib/BH)

dia pada majlis sambutan hari raya dan Pameran Hartanah MTD Properties di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MTD, Reime Rizal Abdul Aziz.

Nik Fauzan berkata, syarikat juga sedang giat meninjau peluang untuk meningkatkan simpanan tanah dan dalam peringkat akhir memuktamadkan seluas 89.03 hektar pembelian tanah di Lembah Klang yang dijangka boleh diselesaikan akhir tahun ini.

Terap kelestarian, inovasi
Sementara itu, beliau berkata, MTD Properties berbeza dengan pemaju hartanah lain kerana syarikat itu percaya kepada pembangunan yang berlandaskan tujuan.

"Kami tidak sekadar membina struktur - kami membina persekitaran dirancang dengan teliti, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan. Asas kami dalam bidang infrastruktur memberikan kelebihan kukuh dalam perancangan induk, memastikan setiap projek disokong

oleh sambungan yang mantap, perancangan utiliti cekap serta kelestarian jangka panjang.

"Kelestarian, inovasi dan kualiti bukan sekadar nilai - ia di terapkan dalam setiap fasa pembangunan. Kami mentakrifkan semula piawaian kehidupan dengan menawarkan ruang yang bersedia untuk masa depan, mencerminkan keperluan dan aspirasi komuniti moden yang sentiasa berubah.

"Daripada reka bentuk cekap tenaga hingga susun atur yang berpusat kepada komuniti, setiap pembangunan kami dibina untuk memperkayakan kehidupan dan memupuk rasa kebersamaan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Reime Rizal berkata, pasaran hartanah semasa di Malaysia menunjukkan tanda pemulihan secara beransur-ansur, disokong oleh unjuran ekonomi yang stabil, insentif kerajaan kepada pembeli rumah, serta minat yang semakin meningkat dalam kalaangan generasi muda untuk melabur dalam hartanah.

Katanya, permintaan kekal ku ku, terutama bagi pembangunan yang menawarkan lokasi strategik, hubungan yang baik, dan kemudahan berorientasikan gaya hidup.

"Pembeli masa kini lebih teliti, memberikan keutamaan kepada kualiti, nilai dan kebolehdihuni an jangka panjang - terutama dalam pembangunan bersepadu atau yang memiliki ciri kelestarian."

"Di MTD Properties, kami melihat trend ini sebagai petanda positif untuk terus menawarkan kediaman direka dengan teliti dan berasaskan nilai," katanya.